

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1. Kempen “**CIMB Clicks Bonanza: Spin-the-Wheel**” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari jam 13:00 (GMT+8) pada 7 Disember 2020 hingga jam 23:59 (GMT+8) pada 31 Disember 2020, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pengguna portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan pengguna aplikasi mudah alih CIMB EVA baru dan sedia ada, melainkan kategori orang/entiti yang disenaraikan di Klausula 5 di sini.
5. Kategori orang/entiti yang berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - (a) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, penjual dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak mereka dan ahli-ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja tersebut; dan/atau
 - (b) Pelanggan yang memegang mana-mana akaun dengan CIMB yang berdelinkuen atau bukan berada dalam kedudukan yang baik seperti yang ditetapkan oleh CIMB atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya, atau ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau tidak aktif semasa Tempoh Kempen; dan/atau
 - (c) Perusahaan sederhana kecil/perbankan perusahaan/pelanggan komersil dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, pertubuhan amal/bukan keuntungan, perbadanan dan perkongsian profesional; dan/atau

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

- (d) Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau digulung, atau selainnya mempunyai prosiding undang-undang dalam mana-mana sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
- (e) Individu yang tidak mempunyai akal sempurna; dan/atau
- (f) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, peserta merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau tidak terjatuh dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

(Peserta yang layak untuk menyertai Kempen ini hendaklah selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “Peserta Layak”)

Hadiah

6. Hadiah berikut disediakan kepada pemenang terpilih Kempen ini:-

Tempoh Kempen	Senarai Hadiah	Bilangan Pemenang
7 Disember – 31 Disember 2020	e-baucar Shopee RM10	7,000 Pemenang
	e-baucar ZALORA RM10	14,000 Pemenang

(Secara kolektif, e-baucar Shopee RM10 dan ZALORA RM10 hendaklah selepas ini dirujuk sebagai “Hadiah”)

7. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 17 di sini) berhubung dengan Kempen dan/atau untuk menuntut Hadiah termasuk fi, levi atau cukai adalah liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.

Kriteria Penyertaan

8. Peserta Layak boleh memperolehi penyertaan (“**Penyertaan**”) untuk memenangi Hadiah yang dirujukkan dalam Klausa 6 di atas dengan melakukan transaksi yang disenaraikan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen dan mengikut cara yang dinyatakan di dalamnya melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA:-

**CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

Kriteria Penyertaan	Bilangan Penyertaan	Bilangan <i>“Spin-the-Wheel”</i> setiap minggu
Lakukan mana-mana lima (5) transaksi* DuitNow, Bayaran Bil atau JomPAY dengan minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30.00) untuk setiap transaksi melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA (Secara kolektif dirujuk sebagai “Transaksi Layak”).	1 Penyertaan untuk <i>“Spin-the-Wheel”</i>	Sekali seminggu sahaja, tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

* *Sebarang transaksi lanjutan dan tambahan akan diabaikan dan tidak dibawa ke hadapan dalam mengira Transaksi Layak berikutnya.*

9. Untuk menyertai Kempen ini, pelanggan CIMB Clicks sedia ada perlu membuat satu (1) transaksi DuitNow, Bayaran Bil atau JomPAY dengan minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30.00) melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA untuk mencetuskan jemputan penyertaan khas melalui pemberitahuan segera (*“push notification”*) aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA. Transaksi sedemikian akan diambil kira dalam mengira jumlah transaksi bagi Transaksi Layak.

10. Bagi pelanggan aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA baru , pelanggan perlu memuat turun and log masuk ke aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA. Ia akan mengambil masa tujuh (7) hari bekerja untuk transaksi yang dilakukan dicerminkan dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA. Selepas hari bekerja ketujuh (7), pelanggan akan menerima jemputan khas melalui pemberitahuan segera (*“push notification”*) aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA. Transaksi sedemikian akan diambil kira dalam mengira jumlah transaksi bagi Transaksi Layak.

11. Pelanggan akan diperlukan untuk mengklik buka pemberitahuan segera (*“push notification”*) dan log masuk ke akaun CIMB Click mereka melalui kata laluan atau melalui log masuk biometrik (iaitu FaceID atau Cap Jari) aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA mereka dan klik pada butang **“Terima Cabaran”** untuk menjadi Peserta Layak bagi Kempen.

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

12. Apabila cabaran diterima, transaksi pertama yang berjaya dilakukan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 9 dan/atau 10 di atas akan dianggap sebagai transaksi pertama daripada lima (5) transaksi untuk memenuhi syarat sebagai Transaksi Layak bagi memperoleh Penyertaan untuk “Spin-the-Wheel”. Sebarang transaksi yang dikemukakan sebelum transaksi yang disebutkan di atas tidak akan layak untuk diambil kira dalam mengira bilangan transaksi bagi Transaksi Layak.
13. Bagi tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:-
- (a) **“DuitNow”** di bawah Kempen ini hendaklah bererti perkhidmatan yang membolehkan pelanggan CIMB memindahkan wang dengan serta-merta dan selamat kepada penerima dengan ID DuitNow dengan menggunakan nombor mudah alih, nombor Kad Pengenalan, nombor pasport, nombor tentera/polis dan/atau nombor pendaftaran perniagaan penerima;
- i. **“ID DuitNow”** di bawah Kempen ini hendaklah bererti ID yang telah didaftarkan untuk membolehkan seseorang untuk mengambil bahagian dalam perkhidmatan yang disediakan oleh DuitNow, yang merangkumi nombor mudah alih, nombor Kad Pengenalan, nombor pasport, nombor tentera/polis, dan/atau nombor pendaftaran perniagaan;
 - ii. Peserta Layak mesti mengekalkan sekurang-kurangnya **satu ID DuitNow aktif yang dipautkan ke akaun Semasa atau Simpanan CIMB sehingga akhir Tempoh Kempen** untuk layak memenangi mana-mana Hadiah yang dinyatakan dalam Klausa 6 di atas. Penukaran ID DuitNow ke institusi kewangan lain semasa Tempoh Kempen sebelum mana-mana Hadiah telah dianugerahkan di bawah Kempen ini akan melucutkan kelayakan Peserta Layak daripada memenangi Hadiah;
 - iii. **“Pindahan DuitNow Keluar”** di bawah Kempen ini hendaklah bererti pemindahan dana yang berjaya ke ID DuitNow pihak ketiga dengan log masuk ke portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA dan melakukan transaksi dengan menggunakan ciri ‘*DuitNow*’ dalam portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web) atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau di bahagian ‘*DuitNow*’ dalam aplikasi mudah alih CIMB EVA melalui mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak; dan
 - iv. **“Akaun Penyertaan”** di bawah Kempen ini hendaklah bererti akaun Semasa atau Simpanan CIMB Peserta Layak yang berdaftar dengan CIMB untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks.

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

- (b) **“Bayaran Bil”** di bawah Kempen ini hendaklah bererti mana-mana transaksi pembayaran bil yang berjaya dibuat oleh Peserta Layak melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA untuk melaksanakan Bayaran Bil berkenaan dengan portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web) atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau di bahagian *‘Pay Bills’* berkenaan dengan aplikasi mudah alih CIMB EVA menggunakan mana-mana akaun Semasa atau Simpanan CIMB, akaun Kad Kredit CIMB atau Akaun CIMB Kwik Peserta Layak yang berdaftar dengan CIMB untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks.
- (c) **“JomPAY”** di bawah Kempen ini hendaklah bererti mana-mana transaksi pembayaran yang berjaya dibuat oleh Peserta Layak melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA untuk melaksanakan pembayaran melalui platform JomPAY yang didapati di portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web) atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau di bahagian *‘JomPAY’* yang didapati di aplikasi mudah alih CIMB EVA menggunakan mana-mana akaun Semasa atau Simpanan CIMB, akaun Kad Kredit CIMB, akaun Kad Debit CIMB, Akaun CIMB Kwik atau akaun CIMB Lazada Prepaid Mastercard Peserta Layak yang berdaftar dengan CIMB untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks; dan
- i. **“JomPAY Billers”** di bawah Kempen ini hendaklah bererti pengebil yang telah berdaftar untuk menyertai JomPAY.
14. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan pada tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
15. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB berkenaan dengan sama ada sebarang transaksi tertentu adalah layak sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, terikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar dalam sebarang cara sekalipun.

Pemilihan Pemenang

16. Di setiap Transaksi Layak, tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, sistem automatik CIMB Clicks akan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

dengan pemberitahuan segera (*"push notification"*) untuk Peserta Layak mengambil bahagian dalam Kempen dengan mengklik pada butang jemputan untuk memutar Roda maya. Jika Peserta Layak gagal menyertai Kempen ini dengan cara yang dinyatakan di sini, "Penyertaan" yang diperolehi akan luput dan bilangan transaksi untuk Transaksi Layak akan diabaikan dan tidak dibawa ke hadapan dalam mengira Transaksi Layak seterusnya. Peserta Layak dikehendaki melakukan transaksi mengikut cara yang dinyatakan dalam Klausa 8 di atas untuk mendapatkan Penyertaan baru untuk "Spin-the-Wheel" dan berpeluang untuk memenangi Hadiah.

17. Peserta Layak berikutan putaran Roda mereka, berpeluang untuk memenangi Hadiah jika pemutar berhenti berputar dan mendarat di segmen Roda yang menunjukkan bahawa mereka layak untuk memenangi Hadiah. Peserta Layak akan memenangi Hadiah yang sepadan dengan Hadiah yang dinyatakan pada segmen di Roda, sama ada e-baucar Shopee RM10 atau e-baucar ZALORA RM10, tertakluk kepada ketersediaan Hadiah untuk Tempoh Kempen tertentu seperti yang dinyatakan dalam Klausa 6 di atas ("**Pemenang**").
18. Sebaliknya, jika pemutar berhenti berputar dan mendarat di segmen Roda dengan frasa "**Better Luck Next Time**", Peserta Layak tidak layak untuk memenangi Hadiah untuk pusingan berputar tersebut dan mempunyai dua (2) peluang yang tinggal untuk "Spin-the-Wheel" dalam Tempoh Kempen itu, DENGAN SYARAT BAHAWA Peserta Layak telah melakukan Transaksi Layak berkenaan dan memperoleh Penyertaan untuk pusingan "Spin-the-Wheel" masing-masing.
19. Peserta Layak layak untuk memutar Roda sekali seminggu tetapi maksimum tiga (3) kali sahaja dan layak untuk memenangi maksimum tiga (3) Hadiah sepanjang Tempoh Kempen tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
20. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
21. Pemilihan pemenang akan dilakukan secara rawak oleh sistem automatik.
22. Ia adalah tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih dan alamat e-mel yang diberikan adalah semasa dan dikemas kini dengan CIMB dan portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA adalah semasa dan terkini dengan versi terkini yang sedia ada. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami, termasuk kerugian bagi sebarang kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah (jika berkenaan), jika nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel Peserta Layak dalam rekod CIMB bukan semasa atau dikemas kini dan/atau portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA bukan semasa atau terkini dengan versi terkini yang sedia ada.

23. Mana-mana Pemenang yang akaunnya dengan CIMB telah ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau tidak aktif sebelum sebarang Hadiah telah dianugerahkan kepadanya di bawah Kempen ini tidak akan layak untuk menerima sebarang Hadiah di bawah Kempen ini.

Pemenuhan Hadiah

24. Peserta Layak akan dimaklumkan dalam masa nyata (*“real time”*) atas kemenangan mereka sejurus selepas berputar dalam bentuk kod e-baucar. Kod e-baucar akan muncul dalam masa nyata (*“real time”*) sebagai mesej timbul (*“pop-up message”*) di portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA. Satu pemberitahuan segera (*“push notification”*) yang mengandungi kod e-baucar juga akan dihantar dalam masa nyata (*“real time”*) melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks (laman web), aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA sebagai mesej susulan.
25. Peserta Layak mesti menulis atau menangkap skrin (*“screenshot”*) atau mengambil gambar kod e-baucar untuk menyimpannya dalam peranti mudah alih mereka, jika gagal Peserta Layak tidak akan layak untuk menuntut Hadiah dan CIMB tidak mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan kod e-baucar tersebut kepada Peserta Layak sekali lagi dalam mana-mana jua keadaan.
26. Ketersediaan Hadiah adalah terhad kepada jumlah Hadiah yang ditawarkan dalam Senarai Hadiah.
27. Hadiah tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar untuk hadiah atau ganjaran yang berbeza yang mempunyai nilai setara atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan dari Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah ke akaun CIMB lain Pemenang atau mana-mana akaun CIMB pihak ketiga.

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

28. Hadiah ditawarkan dan/atau diberikan semata-mata oleh peniaga berkenaan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh peniaga tersebut dan CIMB tidak bertanggungjawab (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya berhubung dengan Hadiah, walaupun CIMB telah dinasihatkan mengenai kemungkinan ganti rugi sedemikian terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut dikecualikan secara nyata.
29. CIMB tidak membuat representasi atau jaminan mengenai kualiti Hadiah. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan yang terhasil daripada menggunakan Hadiah.
30. CIMB tidak akan melayan sebarang jua aduan yang berkaitan dengan Hadiah. Hadiah tidak diperakui oleh CIMB dan tidak dalam apa jua keadaan termasuk sebarang Hadiah dalam Kempen ini akan ditafsirkan sebagai suatu pengendorsan atau cadangan Hadiah oleh CIMB.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

31. CIMB merizabkan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam sebarang cara yang difikirkannya sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini memberi kuasa dan bersetuju bahawa CIMB hendaklah bebas untuk memaparkan dan/atau mempamerkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidapatuhan boleh menyebabkan Pemenang alternatif dipilih.
32. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta memberi kuasa kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di **www.cimb.com.my** dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

33. Akaun dengan CIMB Peserta Layak (i) MESTI tidak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun dengan CIMB DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutkan.
34. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkirinya atau berpotensi memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
35. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain jua kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
36. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian sebarang kewajipannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, sebarang tindakan "act of God" di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh sebarang faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah CIMB.
37. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak atas apa-apa kerugian atau kerosakan dalam apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berhubung dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecaiaan melampau atau keingkar sengaja CIMB.

38. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my atau laman web CIMB di www.cimb.com.my di mana peruntukan-peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh dibekalkan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB atau melalui mana-mana kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Clicks dan/atau laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau perubahsuaian kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
39. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan tersebut pada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
40. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausa 38) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal akaun dengan CIMB Peserta Layak yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

CIMB CLICKS BONANZA: SPIN-THE-WHEEL TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

41. Sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Layak berhubung dengan akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang perkara yang berkaitan dengan akaun Semasa atau Simpanan di bawah CIMB Islamic Bank.
42. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau sebarang perkara di sini.
43. Jika terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
44. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat-alamat mel dan emel serta nombor-nombor telefon dan faksimile yang berikut (atau mempunyai alamat-alamat mel dan emel serta nombor-nombor telefon dan faksimile lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / E-mel: cru@cimb.com.